

UMP, Jabatan Penjara jalin kerjasama

SIVAR HARIAN (UAMPUS) 6/11/17 (25/11/17) n/s: 41

PEKAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Jabatan Penjara Malaysia bagi melatih pelajar menjadi usahawan dan mengenal pasti peluang pemasaran produk My Pride secara atas talian.

Naib Canselor UMP, Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama kali pertama diadakan itu turut memberi peluang kepada Jabatan Penjara memasarkan pelbagai produk mereka menggunakan aplikasi sistem dan teknologi atas talian yang dibangunkan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMP.

Menurutnya, program itu memberi peluang mahasiswa UMP terpilih terima pendedahan praktikal teknik mencari peluang perniagaan selain aspek pemasaran, strategi penjualan, pengurusan inventori, dan rekod kewangan.

"Kita sedar bidang perniagaan kini semakin mencabar dan saya yakin pemasaran produk My Pride mampu memberi impak yang berkesan sebuah portal atas talian iaitu 'Moh Beli' dibangunkan



Dr Rosli dan Nordin bertukar dokumen selepas menandatangani MoU itu.

oleh UMP Holdings Bhd milik syarikat UMP dan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMP.

"Bagi menjayakan kerjasama antara UMP dengan Jabatan Penjara, Pusat Keusahawanan UMP akan membuka lot perniagaan di Kolej Kediaman 4 UMP kampus Gambang sebagai pusat jualan pelbagai produk keluaran Jabatan Penjara," katanya pada majlis MoU antara UMP dengan Jabatan Penjara di bangunan Tun Abdul Razak UMP Pekan.

Teks ucapannya dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UMP, Datuk Dr Rosli Yunus.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Pengurusan Banduan Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Nordin Muhammad.

Katanya, pada peringkat permulaan produk kraf tangan, batik songket dan makanan dipasarkan, kemudian promosi dilakukan secara berterusan bagi memperkenalkan tempat terbabit.